

15 JAN 2003

SIME-BMW/I

SIME DARBY HARAP PERJANJIAN DGN BMW DIMETERAI PADA FEBRUARI

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Ketua eksekutif kumpulan Sime Darby Bhd, Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob, hari ini menyatakan harapan perjanjian mengenai hak jualan borong antara syarikatnya dengan pengeluar kenderaan terkemuka Jerman, BMW AG, dimeterai sebelum akhir Feb. ini.

"Rundingan masih berjalan. Saya rasa ia akan dimuktamadkan dan saya harap akan memeterainya menjelang hujung Februari," katanya kepada pemberita selepas memberi taklimat kepada pelabur institusi, termasuk pengurus dana dan wakil dari syarikat insurans, di sini.

Beliau enggan mengulas lanjut mengenainya.

Pada Mac lepas, BMW dilaporkan memberitahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa ia hendak mengadakan ibu pejabat Asean di Malaysia di mana aktiviti perdagangan akan ditumpukan di Cyberjaya manakala kemudahan pembuatan di Thailand.

BMW juga berhasrat untuk mengadakan sebuah syarikat di Malaysia untuk menjalankan perniagaan jualan borong yang melibatkan pemasangan, pemasaran dan peletak harga kenderaan BMW.

Anak syarikat Sime Darby, Tractors Malaysia Bhd, kini mempunyai hak menjual borong, memasang dan mengedar kenderaan BMW di Malaysia. -- BERNAMA

LES KTC JR